

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENGUATKUASAAN KE ATAS HARGA SILING RUNCIT MINYAK MASAK BOTOL

PUTRAJAYA, 1 OGOS 2021 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ingin memaklumkan bahawa, susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai komitmen Kerajaan untuk membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga minyak masak sawit tulen botol 1 kilogram hingga 5 kilogram, Kerajaan telah bersetuju melaksanakan program Harga Kawalan berasaskan nilai ambang *Crude Palm Oil*. Melalui program ini, harga minyak masak sawit botol 5 kilogram diputuskan untuk dikawal supaya harganya tidak melebihi RM30.00 sebotol.

2. Sehubungan itu, Kerajaan menerusi KPDNHEP menetapkan Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak sawit tulen yang dibungkus dalam botol adalah tertakluk di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2021. Penetapan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai agensi, industri dan trend harga dipasaran. Perintah ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 2021.

3. Berikut adalah Harga Runcit Maksimum bagi barangan harga terkawal minyak masak sawit tulen dalam botol seperti jadual tersebut :

Harga Runcit Maksimum Bagi Minyak Masak Sawit Tulen Botol

Barangan	Kuantiti (Kilogram)	Harga Runcit (RM)
Minyak Masak	1 kg	6.70
	2 kg	12.70
	3 kg	18.70
	5 kg	29.70

4. Selain itu, sebagai tanda keprihatinan Kerajaan menerusi KPDNHEP, pemberian subsidi bagi minyak masak dalam polibeg 1 kilogram masih dikekalkan dan bertujuan memastikan rakyat masih boleh mendapatkan bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah dengan harga RM2.50 (1kg).

5. Berikutan daripada penetapan Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak sawit tulen dibungkus dalam botol yang telah berkuat kuasa bermula 1 Ogos 2021, maka pemantauan dan pemeriksaan pematuhan ke atas peniaga di bawah peruntukan perintah akan dijalankan di seluruh Negara.

6. KPDNHEP hari ini telah mengadakan pemantauan harga dan bekalan minyak masak botol di beberapa buah pasaraya di sekitar bandar Johor Bharu iaitu Pasaraya NSK Ulu Tiram dan Pasaraya Maslee Taman Molek melibatkan kekuatan anggota seramai 15 Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya dan Johor yang diketuai sendiri oleh Tuan Azman bin Adam, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP bersama Tuan Mohd Hairul Anuar bin Bohro, Pengarah KPDNHEP Johor.

7. Adalah diingatkan bahawa tindakan akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah Perintah ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
- (b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

8. Pada masa yang sama, pemeriksaan ini turut memberi fokus kepada prestasi keberadaan bekalan barang keperluan harian pengguna di pasaran. Pemantauan pematuhan SOP PKP di bawah Akta 342, penandaan harga dan lain-lain perundangan di bawah kawalselia KPDNHEP juga turut menjadi perhatian dalam pemeriksaan.

9. Akhir sekali, KPDNHEP turut menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP termasuk harga runcit minyak masak sawit tulen di pasaran secara rasmi melalui saluran berikut :

- i. Portal e-aduan.kpdnhep
- ii. Call Centre 1-800-886-800
- iii. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- iv. Ez ADU KPDNHEP
- v. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245
- vi. Whatsapp 019-279 4317

####

AZMAN BIN ADAM
Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna.

1 Ogos 2021